

Unimas bina astaka mesra alam

SAFRI ALI

KOTA SAMARAHAN, Isnin — Sebuah bangunan pavilion (astaka) berkonsepkan mesra alam sekitar akan dibina di kampus Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam usaha untuk terus memelihara alam sekitar.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS Profesor Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, pavilion setinggi dua tingkat itu dirancang akan dibina akhir tahun ini.

Menurutnya, pembinaan pavilion itu dijangka mengambil masa selama setahun dan tender akan dikeluarkan pada bulan Jun ini.

"Pavilion yang dibina ini akan lebih mesra alam, sesuai untuk mahasiswa dan mahasiswi mengadakan aktiviti riadah," katanya di Majlis Penutupan Minggu Apresiasi Alam Sekitar Allamanda 2010 (

MAASA 10) di Dataran Kolej Allamanda UNIMAS di sini malam tadi.

Sebagai tarikan, katanya, pokok-pokok juga akan ditanam di sekitar kawasan Pavilion untuk dijadikan santuari burung, selain tempat mengunting rambut, agen Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dan Syarikat Air Asia bagi memudahkan pelajar membuat pelbagai urusan.

Mohd Fadzil berkata, usaha yang berterusan mesti dilakukan untuk menyayangi, melindungi dan memelihara alam sekitar.

Katanya, pelbagai usaha telah diambil bagi memastikan kualiti alam sekitar tidak merosot dan kepelbagaian biologi dikekalkan.

"Strategi pengawalan menerusi tindakan penguatkuasaan undang-undang dan pendidikan bagi meningkatkan kesedaran orang awam perlu diteruskan agar isu-isu alam sekitar dan pencemaran akibat

kesan negatif pembangunan sumber asli akan dapat dikurangkan selaras dengan pembangunan mapan," jelasnya.

Katanya, program apresiasi alam sekitar itu dapat dijadikan medium yang sangat berkesan untuk mendedahkan mahasiswa dan mahasiswi pentingnya menghargai alam sekitar dalam kehidupan seharian.

"Dengan jalinan idea dari barisan generasi muda dan kerjasama pihak yang berpengalaman program ini menunjukkan kesungguhan pihak Kolej Allamanda untuk melaksanakan strategi mempromosi, meningkatkan dan pengurusan alam sekitar yang baik," jelasnya.

Pelbagai aktiviti diadakan untuk mengisi program berkenaan seperti Forum Pendidikan Alam Sekitar dari Perspektif Islam, Pidato Alam Sekitar, gotong-royong menanam pokok, pameran, pertandingan poster dan sebagainya.



PELIHARA ALAM SEKITAR... Profesor Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman (kedua dari kanan) memotong riben sebagai simbolik Penutupan Minggu Apresiasi Alam Sekitar Allamanda 2010 (MAASA 10) di Dataran Kolej Allamanda UNIMAS Kota Samarahan malam tadi.